



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 4 Januari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# Subsidi bersasar setuju atau tidak?

## DEBAT Rakyat

OLEH SITI AISYAH MOHAMAD

Pada 27 Jun tahun lalu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mendedahkan jumlah hutang negara ketika ini adalah sebanyak RM1.3 trilion iaitu secara kasarnya nisbah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kerajaan sudah mencapai 70 peratus.

Susulan itu, kerajaan memaklumkan

akan melaksanakan Program Subsidi Bersasar sepenuhnya bermula 2024 dengan menggunakan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang dilancarkan pada Selasa.

Rafizi berkata, program tersebut sebagai langkah untuk mengurangkan keperluan kerajaan terus berhutang selain hasil daripada penjimatan itu

boleh disalurkan ke projek pembangunan.

Bagaimanapun, program berkenaan menimbulkan kerisauan dalam kalangan masyarakat kerana masih tiada perincian jelas mengenai mekanismenya.

Ikti pandangan orang ramai mengenai keputusan kerajaan untuk melaksanakan subsidi bersasar.

### POSITIF

#### 'Subsidi bersasar langkah tepat bantu golongan berpendapatan rendah'

SAYA setuju subsidi bersasar dilaksanakan kerana inisiatif ini sebenarnya dapat membantu golongan yang betul-betul memerlukan dan terkesan dengan kos sara hidup yang tinggi seperti mereka di bawah kelas B40 dan M40.

Setahu saya, di Malaysia ini majoriti masyarakat tergolong dalam kumpulan tersebut, jadi saya tidak rasa menjadi isu atau mendatangkan sebarang masalah jika diteruskan inisiatif tersebut.

Lagi pula, kalau kerajaan tidak menyasarkan kepada golongan tertentu sahaja seperti yang sedang berlaku pada masa kini menyebabkan warga asing dan pendatang asing tanpa izin (PATI) mengambil kesempatan dengan menikmati subsidi.

Ini tidak adil kerana mereka secara tidak langsung menerima bantuan yang sepatutnya diperuntukkan untuk rakyat tempatan malah kerajaan terpaksa tanggung beban kos subsidi golongan ini.

Lebih menyedihkan apabila ada



segelintir warga asing atau PATI yang mengambil kesempatan dengan menjual semula barang yang disubsidi ke pasaran dengan meletakkan harga jauh lebih tinggi.

Orang ramai yang tidak mempunyai pilihan terpaksa juga beli dengan mereka menyebabkan rakyat kita sendiri tertindas.

Saya harap dengan pelaksanaan subsidi bersasar, perbelanjaan kerajaan untuk rakyat Malaysia dapat disalurkan kepada yang berhak dan tiada istilah terima hak yang sama untuk warga asing mengambil kesempatan.

Mungkin golongan yang berpendapatan tinggi atau T20 tidak akan terkesan dengan sebarang perubahan ini sama ada diteruskan subsidi bersasar atau tidak tetapi sekurang-kurangnya dapat menangani ketidaksaaman ekonomi dalam masyarakat.

- **Pembantu makmal,  
Zakiah Othman, 54**

SAYA yakin tindakan kerajaan untuk melaksanakan subsidi bersasar ini merupakan langkah tepat untuk melindungi golongan berpendapatan rendah yang terkesan teruk akibat kos sara hidup tinggi.

Inisiatif ini bukan satu kaedah yang akan membantai rakyat kerana kemudahan tersebut cuma tidak dinikmati lagi oleh golongan kaya dan bukan warganegara.

La adil kerana golongan berpendapatan tinggi yang dikecualikan daripada menerima subsidi ini sememangnya sudah berkemampuan dan tidak akan menjelaskan kuasa beli mereka.

Selain itu, pengurangan subsidi ini akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan dapat menambah perbelanjaan kerajaan untuk perkhidmatan yang lain seperti kesihatan



dan pendidikan.

Sebagai contoh, kerajaan dapat menaik taraf atau membina sekolah baharu terutama di kawasan luar bandar atau pedalaman disebabkan lebih banyak perbelanjaan daripada pemberian subsidi berkenaan.

Saya juga difahamkan kerajaan akan menambah kadar bayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) jika subsidi bersasar berjaya dilakukan.

Jadi, saya tidak rasa sebarang masalah dengan pelaksanaan tersebut kerana semuanya dilakukan demi kebaikan rakyat di negara ini juga.

Malah, tindakan kerajaan dengan melaksanakan inisiatif ini dapat mengurangkan hutang negara yang semakin membimbangkan dari tahun ke tahun. - **Suri rumah,  
Siti Khadijah Mohamad, 29**

### NEGATIF

#### 'Peniaga T20 yang tidak terima subsidi, mungkin akan naikkan harga barang mereka'

BAGI saya, inisiatif ini akan memberi kebaikan khususnya terhadap golongan B40 dan M40, namun ia akan menyusahkan beberapa pihak dalam menguruskan subsidi bersasar tersebut.

Premis perniagaan akan menghadapi kesukaran untuk memeriksa golongan yang betul-betul layak mendapatkan subsidi bersasar dan kemungkinan akan ada T20 atau warga asing mengambil kesempatan ini.

Ia juga akan menyusahkan pihak kedai untuk mendapatkan pelbagai maklumat pelanggan sebelum memberi subsidi terhadap beberapa barang tersebut.

Selain itu, saya juga berpendapat inisiatif ini tidak adil untuk rakyat di negara ini kerana golongan T20 juga seharusnya menerima manfaat yang sama seperti kelas masyarakat lain.

Pemberian bantuan kerajaan kepada rakyat perlu adil dan dilakukan seperti

sebelum ini yang mana semua layak mendapat manfaat ini dan mungkin boleh mengecualikan bukan warganegara daripada menerima manfaat berkenaan.

Jika difikir secara logik, pengusaha industri kebanyakannya tergolong dalam T20 menyebabkan mereka tidak akan menerima subsidi bersasar seperti elektrik, maka kemungkinan akan berlaku kenaikan harga barang dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Maka, kesan yang diterima pengguna sama sahaja dan mungkin lebih teruk dan akhirnya berlaku ketidakseimbangan ketara.

Saya harap kerajaan membuat penelitian secara menyeluruh sebelum melaksanakan subsidi bersasar kerana kebimbangan saya ia akan menjadi beban kepada rakyat malah bukan membantu. - **Pekerja swasta,  
Fais Khalid Shah, 24**



PADA pandangan saya, kaedah pemberian subsidi terhad kepada golongan bawah sahaja akan menimbulkan banyak masalah kerana kos sara hidup yang berbeza antara bandar dengan luar bandar dan negeri.

Kos sara hidup rakyat di bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Selangor tidak boleh 'dipukul' sama rata dengan masyarakat yang berada di Kelantan kerana perbezaan kos yang ketara dari segi barang, sewa dan sebagainya.

Sebagai contoh, penduduk berpendapatan RM8,000 sebulan mungkin tergolong dalam T20 apabila menetap di Kelantan tetapi akan berubah menjadi M40 jika mereka tinggal di Kuala Lumpur.

Sememangnya benar subsidi bersasar ini dapat membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah, tetapi ia agak

sukar dilaksanakan.

Tambahan pula, masyarakat sekarang kebanyakannya membuat lebih daripada satu kerja dan mempunyai pendapatan sampingan seperti bermiga dalam talian, bekerja sebagai pemandu e-hailing dan banyak lagi.

Kadang-kadang, pendapatan sampingan mereka lebih tinggi berbanding gaji tetap yang diterima setiap bulan menyebabkan pemberian subsidi mengikut kelas ini sukar dilaksanakan secara menyeluruh.

Maka, ada segerinti individu yang mungkin akan mengambil kesempatan terhadap pemberian subsidi ini.

Saya harap kerajaan mengambil kira semua aspek sebelum melaksanakan subsidi bersasar ini, mungkin mengecualikan pemberian ini kepada warga asing sahaja sudah cukup memadai. - **Peniaga makanan,  
Aariz Zafran Norazman, 33**



## Pengkhianat jual minyak masak subsidi ke negara jiran

ISU penyaludupan minyak masak peket bersubsidi Malaysia ke negara jiran khususnya Thailand bagaiman tiada kesudahan.

Terbaru, seorang peguam, Majdah Muhamad yang berkesempatan melawat negara itu baru-baru ini berkongsi kisah bagaimana barang kawalan tersebut masih dijual secara terbuka kepada mana-mana pelanggan.

Walaupun dijual dengan harga RM5 dan lebih tinggi berbanding di negara ini iaitu RM2.50 bagi setiap kilogram, namun harganya masih murah jika dibandingkan harga minyak masak tempatan di negara berkenaan.

Sudah pasti ia mendapat permintaan dan pilihan bagi rakyat Thailand khususnya di kawasan bersempadan dengan Malaysia.

Dalangnya pasti mereka yang mempunyai akses untuk mendapatkan bahan keperluan itu dalam jumlah besar dan hanya mahukan keuntungan tanpa memikirkan kesan kewangan kepada kerajaan serta keperluan rakyat tempatan.

*Sinar Harian* sebelum ini pernah mendedahkan bahawa ada rakyat Thailand mengakui telah menggunakan minyak masak peket bersubsidi Malaysia sejak 30 tahun lamanya.

Ia realiti yang berlaku sejak sekian lama kerana barang kawalan itu agak sukar ditemui dalam negara sehingga ramai mengeluh dan jika ada pun pembelian dihadkan.

Bagaimanapun berlaku lambakan pula di negara jiran dengan tidak ada syarat sebanyak mana-mana dibeli.

Sebenarnya kuota 60,000 tan metrik bagi minyak masak bersubsidi yang diperuntukkan oleh kerajaan cukup bagi kegunaan rakyat terutama bagi pengguna domestik dan peniaga kecil.

Akan tetapi tangan-tangan tidak bertanggungjawab telah menafikan hak pengguna di negara ini selain membiarkan wang kerajaan dinikmati mereka tidak sepatutnya.

Berdasarkan data pada Februari tahun lalu, sebanyak 2,898 kes berkaitan minyak masak telah disiasat dan 13 pendakwaan telah dibuat.

Mungkin mereka yang melakukan kesalahan berkaitan penyelewengan minyak bersubsidi ini berasaskan denda atau hukuman tidak berat sekiranya didapati bersalah menyebabkan tidak ada rasa takut dan ia terus dilakukan.

Hukuman lebih berat wajar dikenakan kepada pesalah kerana telah mengkhianati negara dan rakyat. Jika hukuman denda tidak menakutkan pengkhianat ini, hukuman penjaran yang panjang berserta sebat wajar diperkenalkan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# 16 sindiket dadah tumpas

Polis Johor berjaya menumpaskan 16 sindiket pengedaran dadah dengan 98 tangkapan di negeri itu sepanjang tahun lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, kejayaan tersebut sekali gus mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) yang ditetapkan dalam memerangi ancaman musuh nombor satu negara.

Menurutnya, bagi tempoh yang sama juga, sebanyak 5.08 tan metrik dadah bernilai RM35.83 juta dirampas dan pelbagai aset sindiket bernilai RM16.6 juta telah disita.

"Seramai 16,598 individu ditahan atas pelbagai kesalahan melibatkan dadah di negeri ini dan ia adalah pencapaian yang ketiga tertinggi di Malaysia.

"Sementara bagi kes penagih berulang, seramai 615 orang berjaya ditahan.

Bagi Tindakan Langkah-Langkah Pencegahan Khas (LLPK) pula, seramai 127 orang ditahan dan daripada jumlah itu, 124 orang berjaya dikenakan perintah tahanan/sekatkan/pengawasan.

"Bagi kadar pertuduhan kes, JSJN Johor berjaya tuduh sebanyak 5,728 kes, manakala bagi kadar penyelesaian kes pula sebanyak 12,947 kes," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Tambah beliau, Polis Johor memberikan fokus kepada kawasan *hotspot* seperti jeti nelayan, projek perumahan rakyat (PPR) dan kawasan Felda untuk Op Tapis bermula Januari tahun lalu.

Katanya, seramai 1,478 individu ditahan atas pelbagai kesalahan dadah iaitu 191 kes bekalan, 293 kes memiliki dadah dan 994 penagih dadah menerusi Op Tapis.

"Selain itu, seramai 175 suspek yang berstatus orang dikehendaki turut ditahan

dalam operasi berkenaan.

"JSJN Johor juga menyerbu sebanyak 1,423 kali pusat hiburan di seluruh negeri menerusi Op Pusat Hiburan yang dilaksanakan dan seramai 15,243 orang telah diperiksa serta 1,105 ditahan atas pelbagai kesalahan dadah.

"Pada 27 September lalu, pelupusan barang kes dilakukan melibatkan 322.13 kilogram pelbagai jenis dadah dan 1,562.6 liter cecair dadah dianggarkan bernilai RM5.43 juta," katanya.

Menurut Kamarul Zaman, JSJN Johor turut menjalankan 62 operasi dengan kerjasama agensi penguat kuasa lain, antaranya Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Kesihatan (KKM) serta Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIJ) tahun lalu.

## Johor seized five tonnes of drugs

State NCID's performance among the best contingents in narcotics war

**JOHOR BARU:** More than 16,000 people were arrested in Johor for various drug offences last year, says state police chief Comm Datuk Kamarul Zaman Mamat (pic).

He said the Johor Narcotics Crime Investigation Department (NCID) had also seized a total of 5.08 tonnes of drugs worth RM35.83mil and assets worth RM16.60mil during the same period.

"In 2023, the department arrested a total of 16,598 suspects involved in various drug offences, which makes Johor's performance the third best in the country in terms of drug arrests.

"The department also arrested 615 drug addicts under Section 39C of the Dangerous Drugs Act

1952 for committing repeated offences.

"For this, the department's performance was also the third best in the country.

"A total of 127 people were also arrested under the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985 where 124 of them (97.63%) were given detention or restriction orders.

"This is the best performance among all contingents nationwide," he said in a statement on Tuesday.

Comm Kamarul said Johor NCID had also crippled 16 drug syndicates, made 98 arrests and seized drugs worth RM25.07mil and assets worth RM7.08mil from them.

"Between January and



November last year, an operation codenamed Op Tapis Khas was also conducted statewide to focus on drug hotspots such as fishermen's jetties, people's housing programme (PPR) flats and Felda areas.

"During the operation, 1,478 people were arrested - 994 drug addicts, 293 for possession of drugs and 191 for supplying drugs.

"A total of 110 suspects also had action taken against them under Section 39C of the Dangerous Drugs Act while 34 were arrested under the Special Preventive Measures.

"Also arrested were 175 suspects who were on the wanted list," he added.

Comm Kamarul said some 322.13kg and 1,562.60 litres of drugs worth RM5.43mil were disposed of last year.

"Through the disposal done in September, we managed to solve 3,214 cases from 2000 to 2022," he said.

He said the department managed to bring 5,728 cases to trial and solved 12,947 cases last year.

"The department also conducted 62 operations through cooperation with the National Anti-Drug Agency, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, Welfare Department, Health Ministry and Johor Religious Islamic Department, among others," he said.

He said the Johor NCID had performed well and exceeded its key performance indicator (KPI) targets.

"We hope that the public will continue to channel information on drug activities. They can reach out to the department through its hotline at 012-208 7222," he added.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Dua restoran dikendalikan warga asing di Medan Nusa Perintis 1, Taman Nusa Perintis 1, Gelang Patah diarah ditutup 14 hari.  
(Foto ihsan MBIP)

## Dua restoran dikendali warga asing diarah tutup

**Iskandar Puteri:** Dua restoran dikendalikan warga asing di Medan Nusa Perintis 1 di Gelang Patah, di sini diarah ditutup 14 hari berikutan kotor dan berada dalam keadaan tidak memuaskan.

Dalam pemeriksaan susulan operasi bersepadu membabitkan sembilan agensi dikenalpasti Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), kelmarin tiga lelaki warga Nepal turut ditahan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi membantu siasatan kerana ju-

lan minuman keras disyaki diseludup.

Ahli Majlis Gelang Patah MBIP, Mohd Faiz Abdullah, berkata selain dua restoran dikendalikan warga asing diarah ditutup, dua lagi restoran yang turut dikendalikan warga asing turut menerima 11 kompaun.

“Ia susulan kakitangan warga asing tidak mematuhi peraturan ditetapkan termasuk tukang masak warga asing yang tidak memakai apron, penutup kepala serta mengenakan aksesori.

“JKDM turut merampas

131 tin minuman keras pelbagai jenama yang disyaki diseludup dengan tiga warga Nepal ditahan untuk siasatan lanjut.

“Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pula mengeluarkan enam kompaun terhadap pengendali premis warga asing berikutan kesalahan tidak memamerkan sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan di premis, selain gagal memamerkan papan tanda yang mengandungi nama dan nombor daftar perniagaan,” katanya.

## 2 premis dikendali warga asing diarah tutup 14 hari

**Iskandar Puteri:** Dua restoran dikendalikan warga asing di Taman Nusa Perintis 1, Gelang Patah di sini, diarah tutup selama 14 hari berikutan didapati kotor dan berada dalam keadaan tidak memasakan.

Selain itu, tiga lelaki warga Nepal ditahan kerana menjual minuman keras disyaki diseludup dalam operasi bersepadu oleh sembilan agensi diketuai Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Isnin lalu.

Ahli Majlis Gelang Patah MBIP, Mohd Faiz Abdullah berkata, pemeriksaan mendapati sebanyak 14 premis daripada 20 lot perniagaan diusahakan warga asing itu menjadi tumpuan golongan itu.

Menurutnya, pihaknya turut mendapat kesemua 20 lot perniagaan terbabit adalah milik warga tempatan.

"Dua restoran dikendalikan warga asing diarah ditutup selama 14 hari kerana kotor manakala dua lagi restoran dikendalikan warga asing di situ turut menerima 11 kompaun."

"Ia kerana kakitangan



Dua restoran dikendalikan warga asing diarah ditutup selama 14 hari kerana kotor manakala dua lagi restoran dikendalikan warga asing di situ turut menerima 11 kompaun"

Mohd Faiz Abdullah

warga asing tidak mematuhi peraturan ditetapkan termasuk tukang masak tidak memakai apron, penutup kepala serta mengenakan aksesori.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) turut merampas 131 tin minuman keras pelbagai jenama disyaki diseludup dengan tiga warga Nepal ditahan untuk siasatan lanjut.

"Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pula mengeluarkan enam kompaun terhadap pengendali premis warga asing ber-



RESTORAN dikendalikan warga asing di Medan Nusa Perintis 1, Taman Nusa Perintis 1, Gelang Patah, diarah ditutup 14 hari.

kutan kesalahan tidak mempamerkan sijil Perakaunan Pendaftaran Perniagaan di premis selain gagal mempamerkan papan tanam mengandungi nama dan nombor daftar perniagaan," katanya ketika dihubungi.

Pada 24 Disember lalu, kawasan Gelang Patah, di-

sini, dilaporkan ibarat ditawan warga asing apabila deretan kedai di kawasan itu terus dikuasai golongan itu sejak lebih tujuh tahun lalu.

Tinjauan di kawasan perniagaan berkenaan mendapati terdapat lebih 20 premis perniagaan atau kedai dikendalikan warga Bang-

ladesh dan Pakistan secara terbuka.

Peniaga warga asing di- lihat bermaharajalela dan beroperasi di deretan premis perniagaan walaupun kewujudan mereka pernah dilaporkan media beberapa kali.

Dalam pada itu, Mohd Faiz berkata, Jabatan Ke-

sihatan Negeri Johor (JKN) turut merampas 12 produk kosmetik tidak berafftir hasil pemeriksaan di lima premis di situ.

"Kesemua produk itu dirampas untuk siasatan lanjut mengikut Peraturan 7(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984," katanya.

# Ending monopolies

Consumers will benefit from a fairer marketplace when the Malaysia Competition Commission unveils regulations later this year that would require companies to seek approval for mergers over a certain threshold.

This will prevent unfair monopolies as well as fill a gap in the country's existing competition laws. > See page 4 for reports by GERARD GIMINO

**The Star****EXCLUSIVE**

## 'Cartel' practices behind rigged govt tender bids: MyCC

**KUALA LUMPUR:** Submitting multiple tender bids through "different" companies and sudden bid withdrawals are among the tactics used by enterprises engaging in cartels to rig the bidding process for government tenders, says the Malaysia Competition Commission (MyCC).

MyCC chief executive officer Iskandar Ismail also pointed out how more than 500 companies are being investigated for possible cartel practices across various sectors.

They include maintenance, construction and canteen tenders, among others.

Elaborating further on bid rigging tactics, Iskandar said some cartels increased the possibility of winning tenders by submitting multiple bids through a large

number of companies.

The companies would all be in the same cartel.

Giving an example of 100 companies submitting their tenders for a project, Iskandar said if a cartel goes in with at least 50 companies, the probability of them winning is 50%.

"They create the illusion that there is competition," Iskandar said.

He said some even went to the extent of having their friends or workers become directors or shareholders of companies.

"The workers may not even be in the know, and may just sign the tender forms. They may even win the tender."

"But when it's time to meet the respective officials, someone from the company that lost the

tender may come on their behalf, and when questioned, say they are representing the company that won," he said.

Iskandar said there were also instances where several cartels were detected within a single tender.

"We have also stumbled upon situations where everyone (submitting the bids) are in a cartel," he said.

Bid withdrawal was another tactic used, Iskandar said.

"For example, there are 10 companies bidding for a tender. Eight out of 10 companies may be in the cartel.

"If the cartel learns that three of the eight have been shortlisted, two may withdraw their bids once they know which company is poised to win the

contract," he said.

Some cartels even schemed to predetermine the winner, with one company in the cartel having the lowest prices when compared to the "competitors" that put up much higher prices.

Here, the services provided by all companies submitting the tenders will be the same, with the exception of one company having much lower prices.

Upon noticing a strong possibility of bid-rigging, Iskandar said the matter would then be elevated to the investigation level.

"Here, we start our dawn raids, statement taking, and request for information from certain parties, including the government," he said.

He said that MyCC's work didn't stop at the investigation level, as it

also goes on to deliver proposed decisions and later final decisions.

"That is why our cases take some time to complete. When I say complete, it's not just on the part of investigations but up to the decision," he said.

Iskandar said MyCC could also advise the government on competition matters.

The commission also has the power to carry out market reviews, which is an approach Iskandar described as a soft enforcement one.

"Here, we study the whole market and look at the regulatory, market and competition issues.

"We then come up with findings and recommendations and present it to the government," he said.

# Merger control law on the horizon

Draft legislation slated for tabling in Parliament in June, says MyCC CEO

By GERARD GIMINO  
gerard.gimino@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: A law overseeing any potential mergers is set to be introduced later this year.

According to the Malaysia Competition Commission (MyCC), the merger control legislation – regulating mergers of a certain size – is targeted for tabling during the Parliament sitting in June.

"Hopefully we can table it by June. It is currently about 80% complete."

"There are (still) some areas that need tweaking so that everybody is happy," its chief executive officer Iskandar Ismail told *The Star* in an interview.

The inclusion of this merger control regime would be done through amendments to the Competition Act 2010, he pointed out.

Under this merger control law, any companies intending to merge will have to go through MyCC.

The value of the mergers must also cross a certain threshold, Iskandar said, adding that it could amount into the hundreds of millions.

Iskandar said currently, Malaysia is the only country in South-East Asia that does not have the merger control laws.

"We will analyse the proposed merger once they submit their



application, in which they need to explain the reasons behind the merger and its impact on the relevant markets.

"We may also approve it without conditions or reject it altogether."

"It will impact all enterprises as long as it crosses the threshold," he said.

Iskandar added that three types of decisions could be handed out during merger applications.

They are approvals without any conditions, as the merger would not affect the market; approval with conditions; and being rejected due to findings that the merger

will cause substantial lessening of competition in the relevant market.

He pointed out that various engagement exercises had been carried out to amend the Competition Act since 2019 but it was delayed due to the Covid-19 outbreak and political changes.

He said the overall objective of the merger control law is to ensure that there is no lessening of competition in the market.

The lessening of competition could be due to the formation of cartels or monopolies that would cause unnecessary concentration in the market, he added.

Describing it as the missing piece from the commission's legislation, Iskandar said the introduction of the merger control regime would make up the third pillar of competition laws in the country.

The existing two pillars in the Competition Act – the prohibition of cartels and the prohibition of abusive monopolies or dominant players – are reactive approaches, he said.

"For example, the chicken feed cartel that took place between January 2020 and June 2022. We acted based on complaints."

"But here (the merger control legislation) is a preventative

method," he said.

He was referring to the case of five companies which MyCC found to have infringed the Competition Act 2010 by forming a cartel to fix the price of chicken feed.

They had been fined a total of RM415mil, the commission announced last month.

Iskandar said the amendment would also focus on enhancing MyCC's investigation and enforcement powers.

A majority of the business industry would be subjected to this merger control, except for the telecommunications and multimedia sector, water sector, and the aviation sectors, among others, which have their own regulators such as the Malaysian Multimedia and Competition Commission, National Water Commission and the Malaysian Aviation Commission, he added.

Iskandar said the merger control law would also not clash with the Malaysian Code on Take-Overs & Mergers 2010 that governs take-over processes of publicly listed companies.

He explained that the latter intended to protect minority shareholders.

"In fact, we are working with the Securities Commission to harmonise the application of the merger control law and take-over codes to ensure smooth implementation," he said.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 4 JANUARI 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
4-Jan	Ministry of Domestic Trade and Cost of Living going all out in anti-smuggling fight	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/226263/ministry-of-domestic-trade-and-cost-of-living-going-all-out-in-anti-smuggling-fight-/">https://www.dailyexpress.com.my/news/226263/ministry-of-domestic-trade-and-cost-of-living-going-all-out-in-anti-smuggling-fight-/</a>	DAILYEXPRESS
4-Jan	Does boycotting Israel-linked goods help local products?	<a href="https://themalaysianreserve.com/2024/01/03/does-boycotting-israel-linked-">https://themalaysianreserve.com/2024/01/03/does-boycotting-israel-linked-</a>	THEMALAYSIANRESERVE
4-Jan	Polis tahan 22 individu, rampas pelbagai barang bernilai RM1.07 juta	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2259207">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2259207</a>	BERNAMA
4-Jan	22 individu ditahan, pelbagai barang bernilai RM1.07 juta dirampas	<a href="https://selangorkini.my/2024/01/22-individu-ditahan-pelbagai-barangan-bernilai-rm1-07-">https://selangorkini.my/2024/01/22-individu-ditahan-pelbagai-barangan-bernilai-rm1-07-</a>	SELANGORKINI
4-Jan	Polis tahan 22 individu, rampas pelbagai barang bernilai RM1.07 juta	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/01/03/polis-tahan-22-individu-rampas-pelbagai-barangan-bernilai-rm1-07-juta/">https://malaysiagazette.com/2024/01/03/polis-tahan-22-individu-rampas-pelbagai-barangan-bernilai-rm1-07-juta/</a>	MALAYSIAGAZETTE